

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

INFORMASI PRODUK

1. Apakah itu Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2)?

Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) bertujuan untuk membolehkan ahli KWSP membuat permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 atau 55 dalam membantu ahli KWSP mendapatkan pinjaman peribadi daripada CIMB.

2. Apakah itu Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?

- Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) ialah inisiatif kerajaan untuk membantu ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mendapatkan wang tunai melalui pembiayaan peribadi berdasarkan notis pengeluaran Akaun 2 KWSP mereka.
- Melalui fasiliti pinjaman ini, Pelanggan akan membuat Notis Bersyarat Untuk Pengeluaran pada umur 50 atau 55 tahun di mana simpanan Pelanggan dalam akaun 2 KWSP (bersama dividen) akan dibayar kepada bank apabila Pelanggan mencapai sebarang umur yang dipilih oleh Pelanggan (50 hingga 55 tahun).("Notis Bersyarat")
- Notis Bersyarat hendaklah dikemukakan oleh Pelanggan kepada KWSP sekali sahaja dalam tempoh antara **4 Disember 2023 hingga 4 April 2024**
- Kemudahan ini ditawarkan dari **4 Disember 2023 hingga 4 April 2024**

3. Bilakah Ahli KWSP boleh memohon Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?

Ahli KWSP yang layak boleh mengemukakan permohonan dari **4 Disember 2023 hingga 4 April 2024**
Semua permohonan mesti diterima oleh CIMB Bank sebelum atau pada 4 April 2024

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

INFORMASI PRODUK

4. Berapakah jumlah pembiayaan yang ditawarkan?

Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Jumlah minimum: RM3,000
- Jumlah maksimum: RM50,000*

*Tertakluk kepada baki dalam Akaun 2 KWSP.

5. Berapa lama tempoh pembiayaan ditawarkan?

Sehingga 10 tahun atau apabila mencapai umur 55 tahun pada akhir tempoh pembiayaan, yang mana lebih awal.

6. Apakah kadar faedah untuk Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?

Kadar Faedah Efektif (EIR) pada 4.5% setahun, mengurangkan baki (bersamaan dengan Kadar Faedah Tetap (FIR) adalah pada 2.4% setahun)

7. Apakah tempoh proses permohonan?

Permohonan akan diproses dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh Borang Permohonan serta dokumen sokongan yang lengkap diterima oleh CIMB

8. Bagaimanakah saya boleh menyemak jumlah simpanan Akaun 2 KWSP sebelum memohon Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?

Jumlah baki KWSP Akaun 2 boleh disemak melalui:

- Laman web i-Akaun / aplikasi mudah alih i-Akaun; atau
- Terminal Layan Diri (SST) di mana-mana cawangan KWSP.

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

INFORMASI PRODUK

9. Mengapakah KWSP memerlukan permohonan Notis Pengeluaran Bersyarat umur 50 tahun atau 55 tahun untuk mendapatkan kemudahan pinjaman Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?

Permohonan ini akan membolehkan ahli mengambil kira simpanan dalam Akaun 2 untuk mendapatkan kemudahan pinjaman daripada CIMB Bank di mana bayaran pengeluaran untuk menyelesaikan baki pembiayaan (jika masih ada) hanya akan dibuat kepada CIMB Bank apabila ahli telah sampai umur 50 tahun hingga 55 tahun, tertakluk kepada pilihan umur pengeluaran ahli.

10. Apakah yang akan berlaku pada simpanan akaun 2 ahli KWSP apabila mereka membuat permohonan Notis Pengeluaran Bersyarat umur 50 tahun atau 55 tahun?

Setelah permohonan Pengeluaran Bersyarat umur 50 tahun atau 55 tahun diluluskan oleh KWSP, maka:

- Jumlah tersebut bersama dengan dividen terkumpul akan dibayar kepada CIMB Bank terus ke akaun pinjaman apabila ahli telah mencapai umur matang pengeluaran antara umur 50 tahun atau 55 tahun (seperti yang dipilih oleh ahli); dan
- Ahli boleh membuat pengeluaran pra-persaraan lain tertakluk kepada baki Akaun 2 KWSP yang ada selepas ditolak dengan jumlah yang dipohon melalui Notis Pengeluaran Bersyarat Umur 50 tahun atau 55 tahun bagi mendapatkan kemudahan pinjaman daripada CIMB Bank.

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

INFORMASI PRODUK

11. Bagaimanakah permohonan Notis Pengeluaran Bersyarat umur 50 atau 55 tahun (“Notis Bersyarat”) menggunakan Akaun 2 untuk membayar pembiayaan peribadi ahli?

- Pengeluaran Bersyarat 50 Tahun atau 55 Tahun menggunakan Akaun 2 hanya akan digunakan untuk dibayar kepada Bank CIMB apabila ahli telah mencapai umur kelayakan untuk pengeluaran 50 tahun atau 55 tahun berdasarkan pengeluaran sedia ada yang dibenarkan di bawah Akta KWSP 1991.
- Pemohon memberi kebenaran kepada Bank secara tidak boleh ditarik balik untuk menggunakan bayaran yang diterima daripada KWSP menurut Notis Bersyarat ke arah penyelesaian sebarang jumlah tertunggak yang terhutang kepada Bank (jika ada) di bawah Kemudahan Pinjaman CIMB dan selepas itu lebih, jika ada akan dikreditkan oleh Bank kepada mana-mana akaun simpanan atau semasa Pemohon dengan Bank atau CIMB Islamic Bank atau kepada akaun lain seperti yang dimaklumkan dan diarahkan oleh Pemohon. Adalah menjadi tanggungjawab Pemohon untuk memaklumkan dan memastikan pihak Bank dikemas kini mengenai simpanan peribadi atau nombor akaun semasa Pemohon untuk membolehkan Bank memindahkan dan mengkreditkan kepada Pemohon apa-apa lebih wang tersebut.
- Jika bayaran KWSP yang diterima tidak dapat menjelaskan jumlah tertunggak yang terhutang kepada Bank di bawah Kemudahan Pinjaman, pelanggan dikehendaki membayar baki jumlah tertunggak yang terhutang kepada Bank.
- Bagi tempoh ahli belum mencapai umur kelayakan untuk pengeluaran 50 tahun atau 55 tahun, simpanan KWSP ahli tidak akan dipindahkan ke Bank CIMB.
- Kemudahan ini bukan cagaran atau penyerahan hak kepada CIMB Bank.

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

KRITERIA DAN PROSEDUR PERMOHONAN

12. Bagaimana untuk memohon Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?

Permohonan dibuat secara dalam talian melalui halaman pendaratan/halaman web CIMB Bank di:

<https://www.cimb.com.my/content/cimb/malaysia/bm/personal/day-to-day-banking/financing/personal-financing/cash-plus-personal-loan-fsa2.html>

13. Apakah kriteria kelayakan untuk memohon Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?

- Berumur antara 40 – 54 tahun semasa membuat permohonan.
- Ahli KWSP (i-Akaun berdaftar dengan KWSP) yang mempunyai simpanan minimum RM3,000 dalam Akaun 2 KWSP.
- Fahami dan terima Kesedaran dan Kefahaman Mengenai Fasiliti Sokongan Akaun 2 pada halaman pendaratan CIMB / borang digital laman web.
- Seterusnya, pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan dalam talian dan maklumat lain yang diperlukan serta dokumen sokongan. Perlindungan insurans adalah mesti dan terpakai apabila permohonan pinjaman dikemukakan melalui permohonan dalam talian.
- Untuk memenuhi semakan kredit CIMB.

14. Bolehkah saya memohon sekiranya saya tidak mempunyai pendapatan tetap tetapi saya adalah ahli KWSP dan mempunyai baki di bawah Akaun 2 KWSP?

Ya. Pelanggan boleh memohon penilaian kredit walau bagaimanapun pelanggan ini tertakluk kepada keputusan kredit CIMB. Pelanggan perlu mengemukakan dokumen sokongan apabila memohon melalui dalam talian.

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

KRITERIA DAN PROSEDUR PERMOHONAN

15. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk memohon Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?

Dokumen sokongan yang perlu dimuat naik dalam talian adalah seperti berikut:

- Kad Pengenalan (depan dan belakang – dalam bentuk digital)
- Borang Permohonan Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) (untuk diisi secara dalam talian);
- Memahami dan menerima Kesedaran dan Kefahaman Mengenai Fasiliti Sokongan Akaun 2 melalui laman web CIMB - aplikasi dalam talian;
- Dokumen-dokumen pendapatan (seperti yang tertera di laman web CIMB)
- Dokumen lain yang mungkin diperlukan oleh CIMB.

****Kakitangan CIMB hendaklah menyediakan penyata slip gaji kerana nombor pekerja akan direkod didalam sistem permohonan.***

16. Jika saya layak memohon sehingga RM10,000 tetapi saya hanya memohon RM5,000 dan hanya RM5,000 diluluskan oleh CIMB, bolehkah saya mengemukakan permohonan lain untuk baki jumlah layak RM5,000?

Tidak. Hanya Satu (1) permohonan dibenarkan berdasarkan jumlah yang layak. Permohonan lebih dari sekali dan amaun separa adalah tidak dibenarkan.

17. Bolehkah saya memohon Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) dengan pasangan saya?

Tidak. Kemudahan ini hanya untuk Individu. Permohonan bersama tidak dibenarkan

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

KRITERIA DAN PROSEDUR PERMOHONAN

18. Jika saya sudah memohon Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2), bolehkah saya memohon dengan institusi kewangan lain yang menawarkan pembiayaan yang sama?

Tidak. Hanya satu permohonan akan diterima untuk diproses dan diluluskan oleh Bank.

19. Apakah pelan insurans yang melindungi Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) dan bagaimanakah premium dikenakan?

Cash Plus Assurance (CPA) ditawarkan kepada peminjam pinjaman CIMB Bank Berhad yang mendaftar untuk Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2). Ini adalah pelan insurans premium tunggal tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) untuk pelanggan sebagai peminjam kemudahan pinjaman. Sekiranya berlaku kematian atau TPD dalam tempoh perlindungan, jumlah diinsuranskan yang dikurangkan akan dibayar kepada pemilik polisi induk (Bank) untuk mengimbangi baki pinjaman tertunggak.

Premium CPA akan ditolak daripada jumlah kelulusan pembiayaan. Amaun premium adalah tertakluk kepada umur kemasukan, jumlah diinsuranskan dan tempoh insurans.

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

MAKLUMAT PASCA PERMOHONAN

20. Bagaimanakah saya mengetahui keputusan permohonan saya?

- a. Pelanggan akan dimaklumkan mengenai keputusan permohonan sama ada berjaya atau ditolak melalui SMS. Hanya permohonan yang berjaya akan dimaklumkan tambahan dalam e-mel ke alamat yang didaftarkan dalam permohonan.
- b. Dalam e-mel, akan terdapat arahan untuk melihat butiran pinjaman yang diluluskan dan melaksanakan penerimaan kemudahan pinjaman yang diluluskan dan selepas itu mengisi Notis Permohonan Pengeluaran Bersyarat.

21. Apakah yang perlu saya lakukan selepas saya berjaya memohon melalui talian?

Langkah 1: Untuk permohonan yang diluluskan, pelanggan akan menerima SMS yang menunjukkan kelulusan dan e-mel ke alamat yang didaftarkan dalam permohonan. Didalam e-mel, terdapat arahan untuk melihat butiran pinjaman yang diluluskan dan melaksanakan penerimaan.

LANGKAH 2: Pelanggan dikehendaki pergi ke borang permohonan digital laman web CIMB untuk menerima tawaran pinjaman yang diluluskan.

LANGKAH 3: Setelah menerima, pelanggan dikehendaki melaksanakan proses Notis Pengeluaran Bersyarat umur 50 tahun atau 55 tahun melalui borang permohonan digital laman web CIMB.

LANGKAH 4: Setelah berjaya disiapkan dan diluluskan oleh KWSP terhadap Notis Permohonan Pengeluaran Bersyarat, jumlah pinjaman akan dikreditkan ke dalam akaun semasa/simpanan pelanggan CIMB.

LANGKAH 5: Tamat proses.

22. Apakah yang menyebabkan permohonan Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) saya tidak berjaya, walaupun syarat kelayakan awal dipenuhi?

- Permohonan tidak berjaya oleh CIMB Bank kerana tidak memenuhi terma dan syarat yang ditetapkan; atau
- Baki simpanan dalam Akaun 2 tidak memenuhi kriteria minimum jumlah pembiayaan dengan CIMB Bank.

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

MAKLUMAT PASCA PERMOHONAN

23. Bolehkah saya membatalkan permohonan Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) saya selepas kelulusan pinjaman oleh CIMB ?

Selepas permohonan pinjaman peribadi diluluskan, Bank akan memberikan butiran jumlah pinjaman yang diluluskan bersama-sama melalui dalam talian. Pemohon kemudiannya boleh menerima atau menolak tawaran pada peringkat ini. Walau bagaimanapun, jika pemohon telah menerima tawaran pembiayaan peribadi dengan penyerahan Notis Pengeluaran Bersyarat Umur 50 atau 55 dan diluluskan, pemohon tidak boleh membatalkan permohonan.

24. Bolehkah permohonan Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) dibatalkan?

Permohonan **tidak boleh dibatalkan** selepas permohonan Pengeluaran Bersyarat Umur 50 tahun atau Umur 55 tahun diluluskan oleh KWSP.

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

MAKLUMAT PEMBAYARAN & ANSURAN BULANAN

24. Adakah saya perlu membuat bayaran untuk pembiayaan tersebut atau menunggu sehingga pengeluaran simpanan Akaun 2 KWSP pada umur 50 hingga 55 tahun untuk ditolak bagi penyelesaian penuh?

Ya, anda dikehendaki membayar ansuran bulanan sehingga penyelesaian penuh.

25. Jika permohonan saya berjaya, bilakah bayaran ansuran akan bermula?

4hb bulan berikutnya jika pengeluaran penuh pada setiap 15hb bulan tersebut. Tarikh bayaran bil pertama untuk pengeluaran penuh selepas 15 haribulan, ialah 4 haribulan berikutnya, contoh:

- Pengeluaran Penuh pada 1 hingga 15 Mac, tarikh bayaran akan jatuh pada 4 April
- Pengeluaran Penuh pada 16 hingga 31 Mac, tarikh bayaran akan jatuh pada 4 Mei

26. Bagaimana cara membuat bayaran ansuran bulanan?

Ansuran bulanan boleh dibayar melalui:

- Arahan Tetap daripada Akaun Simpanan CIMB; atau
- Melalui Kaunter CIMB Bank / ATM / CDM / CIMB Clicks

27. Bagaimanakah pengeluaran penuh kemudahan Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) akan dikreditkan?

- Pengeluaran penuh akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Peribadi CIMB. Akaun Bersama dan Akaun Simpanan Bank lain tidak dibenarkan pada masa ini.
- Bagi pelanggan tanpa Akaun Simpanan CIMB, anda dikehendaki membuka Akaun Simpanan Asas/-i CIMB tanpa deposit permulaan. Ini bagi membolehkan pengeluaran penuh di bawah kemudahan pinjaman.

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

MAKLUMAT PEMBAYARAN & ANSURAN BULANAN

28. Apakah kegunaan akaun CIMB Akaun Simpanan Asas/i untuk pelanggan yang tiada Akaun Simpanan CIMB semasa permohonan Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?

- Akaun Simpanan Asas/i CIMB tidak memerlukan deposit permulaan tanpa penggunaan Kad Debit (Pilihan kepada pelanggan untuk memohon Kad Debit). Walau bagaimanapun akaun akan bertukar menjadi akaun operasi pelanggan sekiranya pelanggan melakukan tindakan 2-9 seperti yang disenaraikan di bawah yang mana yuran dan caj akan dikenakan.

No	Jenis-jenis Caj	Caj (RM)
1	Annual Fee	NIL
2	Pengeluaran Tunai ATM	8 Pengeluaran tunai ATM percuma. Melebihi ambang - RM0.50 setiap transaksi
3	Di kaunter	6 lawatan percuma di kaunter. Melebihi ambang - RM5.00 setiap lawatan
4	GIRO Antara Bank	RM0.50 untuk dua transaksi pertama dalam bulan tersebut. Transaksi seterusnya dalam tempoh sebulan ialah RM2.00 (Berkenaan untuk transaksi GIRO antara bank di kaunter)
5	Fi Akaun Dorman	RM10.00 setiap tahun selepas tarikh notis dihantar kepada pemegang akaun. Untuk baki sehingga RM10.00, baki akan diserap sebagai fi dorman dan akaun akan ditutup.
6	Penutupan akaun dalam tempoh 3 bulan dari pembukaan	RM20.00
7	Penggantian kad hilang/dicuri/salah dikendalikan	RM12.00
8	Salinan tambahan/ pengeluaran semula penyata akaun simpanan untuk 12 bulan yang lalu	RM10.00 (pendahuluan) + RM2.00 setiap halaman
9	Salinan tambahan/ pengeluaran semula penyata akaun simpanan melebihi 12 bulan	RM30.00 (pendahuluan) + RM2.00 setiap halaman

- Butiran produk akaun CIMB Basic Saving/i boleh didapati di laman web di bawah:-
 - Akaun Simpanan Asas (Konvensional)- <https://www.cimb.com.my/bm/personal/day-to-day-banking/accounts/savings-account/basic-savings-account.html>
 - Akaun Simpanan Asas (Islamik)- <https://www.cimb.com.my/bm/personal/day-to-day-banking/accounts/savings-account/basic-savings-account-i.html>

Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) Soalan-Soalan Lazim

MAKLUMAT ANSURAN BULANAN

29. Adakah saya dibenarkan membuat penyelesaian awal pembiayaan?

Penyelesaian awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis 1 (satu) bulan kepada Bank.

30. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak dapat meneruskan / tidak mampu membayar bayaran ansuran bulanan?

Pelanggan mempunyai pilihan berikut:

- Untuk memanggil dan mencadangkan pengaturan pembayaran kepada Bank untuk R&R dalaman (Penstrukturan Semula & Penjadualan)
- Kepada dan/atau merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan nasihat kewangan berkaitan pembiayaan.

31. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal membuat pembayaran / membuat pembayaran lewat?

Jika terdapat sebarang kemungkiran atau kelewatan dalam pembayaran ansuran, caj pembayaran lewat akan dikenakan dan jika ini berterusan, ia boleh menjejaskan rekod kewangan pelanggan dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) dan Perkhidmatan Tip-Off Kredit. (CTOS).

32. Apakah proses pembayaran untuk ahli yang meninggal dunia sebelum kemudahan pinjaman Pinjaman Peribadi Cash Plus Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) matang?

Bagi si mati sebelum mencapai umur opsyen pengeluaran yang dinyatakan dalam permohonan pinjaman, permohonan pengeluaran bersyarat adalah terbatal, dan semua simpanan ahli yang meninggal dunia akan diagihkan kepada waris atau penama mengikut polisi Pengeluaran Kematian dan Penamaan sedia ada.

Walau bagaimanapun, untuk kemudahan pinjaman ini akan dijelaskan oleh perlindungan insurans kerana perlindungan Insurans adalah wajib.